

14/03/2004

Tugas berat Pak Lah dalam pilihan raya ke-11

Karim Raslan

PILIHAN raya umum ke-11 Malaysia adalah cabaran besar yang sulung bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Genap sudah empat bulan jawatan Perdana Menteri diletakkan ke ribaannya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad maka kini tiba masanya Pak Lah yang penuh sopan santun itu menunjukkan belangnya.

Mandat politik peribadi dan kemampuan Pak Lah mematahkan segala cabaran dalaman terhadapnya hanya akan diperolehi melalui kemenangan besar kerajaan campuran Barisan Nasional yang kini diterajuinya ke atas pihak pembangkang yang sekali gus menghentikan kemaraan yang dicapai pihak pembangkang bermula pada pilihan raya umum 1999.

Abdullah Badawi juga harus menebus maruah Umno yang tercela bukan sedikit akibat prestasi parti itu berbanding prestasi Parti Islam Se-Malaysia (atau Pas) yang berjaya mengeksploitasi ketidaktentuan pengundi Melayu bahawa pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim, mantan Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri perlu membuktikan betapa Umno masih ampuh serta mampu memenangi jiwa raga dan minda pengundi Melayu yang adalah majoriti negara ini manakala beliau pula memang layak dinobatkan sebagai pemimpin berwibawa masyarakat Melayu. Di bahunyalah terbeban tugas paling besar, tidak lain dan tidak bukan untuk mendaulatkan Umno.

Pak Lah juga bertanggungjawab untuk menganjak paradigma dan membentuk semula acuan pemikiran parti campuran yang memerintah. Itu bukan perkara mudah. Selepas dipimpin dan dibentuk oleh kepimpinan Dr Mahathir selama lebih dua dekad, BN kini harus mengulangkaji dan mempraktikkan seni memujuk rayu. Sokongan dan kesetiaan rakyat jelata bukan hak semula jadi parti tetapi perlu dimenangi.

Dalam hal ini, pasukan Abdullah Badawi akan menerapkan gaya berkempen yang berbeza daripada biasa kerana jelas bahawa warga kita kini sudah jauh lebih matang. Memeras ugut dan menghamun pengundi, yang antara mereka ada yang mudah lupa jasa budi pemimpin, bukan cara yang terbaik. Pak Lah peka betapa ramai orang bersikap skeptis terhadap kuasa tampuk pimpinan serta media aliran utama. Maka beliau akan menumpukan rayuannya kepada kewarasan pertimbangan rakyat.

Namun begitu, banyak yang keciciran dahulu yang sedaya upaya mesti dikendong dan ditatang semula. Umno kehilangan Terengganu pada tahun 1999 dan Kelantan pada tahun 1990. Sebagai PM, Abdullah Badawi menyedari betapa beliau mesti memastikan ketumpasan sedemikian bukan sejarah yang akan berulang. PMLah yang bertanggungjawab menjadikan kubu pertahanan Umno bukan sekadar kebal malah menumpulkan segala senjata lawan.

Seandainya Pak Lah boleh merampas tampuk kuasa di negeri emas hitam pantai timur yakni Terengganu nescaya beliau terjulung sebagai wira kebangsaan tulen. Sebaliknya jika negeri jelapang padi yakni Kedah jatuh ke tangan Pas, kesuraman dan ketidaktentuan pasti menyelubungi mandatnya.

Namun begitu, Perdana Menteri akan menghadapi para pengundi dalam suasana dan iklim yang amat baik bagi kerajaan. Warga kita kini menikmati pelbagai kebaikan. Ekonomi kita dilonjakkan oleh kukuhan harga komoditi dan pasaran saham yang sedang melambung. Di samping itu pendekatan lebih konservatif PM terhadap belanjawan negara berjaya melegakan kebimbangan - yang semakin memuncak pada satu ketika - mengenai kesejahteraan kewangan jangka panjang negara.

Setelah mengalami ketegasan pimpinan PM ke-4 selama dua puluh tiga tahun, ramai yang menyambut gaya tidak menonjol Abdullah Badawi dengan

perasaan lega, tidak kira sama ada perasaan sedemikian dilahirkan atau pun tidak. Jelaslah betapa warga Malaysia sudah bersedia menghadapi perubahan.

Namun sifat budiman pemimpin kita ini tetap bertunjangkan prinsip yang utuh dan gagasan yang kuat. Nira dan kemurnian berupa fikiran dan nasihat terbaik disadapnya daripada pemikir dan cendekiawan 'muda' dalam negara tanpa mengira suku kaum dan jantina mereka.

Kejayaannya menggembeleng jurus meritokrasi seperti yang tersebut, kemurahan hatinya (lihat betapa beliau mencairkan kebekuan hubungan kita dengan Singapura) serta cara beliau memanfaatkan didikan dan kefahaman keislamannya demi penghayatan pegangan agama Islam yang sederhana, majmuk dan demokratik tampak berkesan melembutkan hati para pengkritik anti-kerajaan, biarpun sebelum ini ada antara mereka yang bersifat amat keras lagi degil.

Walaupun Umno masih belum dimurnikan daripada anasir rasuah dan kuasa naungan, beliau sudah memulakan usaha untuk mereformasi parti serta memperingatkan semua ahlinya betapa teras perjuangan parti mesti sentiasa berorientasikan perkhidmatan yakni pemimpin harus berkhidmat kepada rakyat dan bukan sebaliknya.

Sebaik sahaja menjawat tugas PM pada bulan November 2003, Abdullah Badawi menggariskan agenda dan cita-cita murninya bagi negara. Pokoknya, kita diseru agar berbalik kepada tugas memantapkan segala yang asasi sebelum melangkah ke hadapan lebih jauh lagi.

Berulang kali beliau menegaskan peri pentingnya sektor pertanian dan diikhtiarkannya cara untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kerajaan. Itulah cara beliau merayu kepada kebijaksanaan rakyat. Kecekalan tekadnya membanteras rasuah dan penolakannya terhadap projek mega yang tidak 'diperlukan sangat' berjaya menambah kepopularan beliau dalam negara.

Namun kesediaan dan kemampuannya keluar dari bawah bayang warisan politik dan ekonomi nukilan Dr Mahathir sentiasa terkekang oleh hakikat bahawa beliau belum lagi memperoleh mandat para pengundi. Banyak lagi gagasan bernasnya yang perlu menunggu keputusan Pilihan Raya Umum.

Nyata bahawa sifat pengundian kali ini adalah pemungutan suara bagi Abdullah Badawi. Ini hampir-hampir sama dengan pemilihan presiden. Ini sememangnya perjuangan peribadi anak Tanjung ini kerana pihak pembangkang sedar bahawa Pak Lah ialah aset paling utama dan terhebat Barisan Nasional: justeru dia penarik undi terbesar dia pasti menjadi tumpuan serangan. Sebenarnya tanpa Pak Lah memegang tampuk pimpinan, Umno bakal menghadapi kepayahan.

Warga Malaysia yang keluar mengundi pada 21 Mac ini akan menghakimi gagasan dan dasar kepimpinan insan ini. Merekalah yang akan memutuskan sama ada mereka mahu beliau meneruskan agenda perubahan yang baru sahaja dimulakannya. Bagi diri saya, Pak Lah sememang orangnya untuk memimpin kita sekarang. Hendaknya, lebih ramai lagi warga Malaysia yang berfikiran yang sama.